

05/03/1999

Azmin tidak percaya tohmahan

Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Khamis - Bekas setiausaha sulit Datuk Seri Anwar Ibrahim, Mohamad Azmin Ali, memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini beliau mempercayai isterinya, Shamsidar Taharin, dengan sepenuhnya dan tidak percaya tohmahan yang dibuat terhadap isterinya.

Mohamad Azmin yang memberi keterangan sebagai saksi pembela ke-14, berkata beliau mengenali Anwar lebih 10 tahun dan bekas Timbalan Perdana Menteri itu tidak akan membuat perkara yang terkutuk itu.

Ditanya peguam Christopher Fernando apakah sikapnya terhadap Anwar selepas mengetahui tohmahan (hubungan sulit Shamsidar dan Anwar), Azmin menjawab: Hubungan saya bertambah rapat (dengan Anwar) untuk mempertahankan beliau atas nama keadilan walaupun membabitkan adik saya sendiri (Ummi Hafilda Ali)."

Dalam surat Perihal Salah Laku Seks Timbalan Perdana Menteri yang ditulis Ummi Hafilda kepada Perdana Menteri, Shamsidar dan Anwar ditohmah mempunyai hubungan sulit.

Sebelum itu, Mohamad Azmin berkata, pada Ogos 1997, ketika beliau berada di pejabat, Anwar menunjukkan satu surat yang ditulis Ummi Hafilda kepada Perdana Menteri.

Katanya, surat itu ditunjukkan kepadanya sebaik saja Anwar bertemu dengan Perdana Menteri.

Azmin yang kini tidak bekerja, berkata kandungan surat itu lebih tertumpu kepada kritikan Ummi Hafilda terhadapnya kerana tidak membantu beliau mendapatkan peluang perniagaan.

"Kandungannya lebih ringkas, tidak kasar dan lebih lembut daripada surat P14 (surat Perihal Salah Laku Seks Timbalan Perdana Menteri)," katanya.

Mengenai P14, Azmin berkata, dokumen itu mengandungi tohmahan dan fitnah terhadap Anwar serta isteri dan keluarga beliau (Azmin).

"Surat pertama lebih kepada masalah Ummi dengan saya manakala surat P14 mengandungi fitnah jahat terhadap Anwar," katanya.

Fernando: Berhubung surat pertama, apa yang diminta Datuk Seri Anwar terhadap surat itu?

Mohamad Azmin: Beliau meminta saya memusnahkan surat itu kerana diarahkan oleh Perdana Menteri.

Fernando: Adakah kamu memusnahkan surat itu?

Mohamad Azmin: Ya, saya musnahkan surat itu.

Fernando: Bila pula kamu mengetahui mengenai kewujudan P14?

Mohamad Azmin: Saya dimaklumkan oleh sahabat karib saya pada ketika itu, Datuk Hishammuddin Tun Hussein Onn pada 10 Ogos 1997.

Fernando: Apa berlaku?

Mohamad Azmin: Datuk Hishammuddin memanggil saya ke rumahnya dan memberitahu saya mengenai surat itu yang diterima daripada Datuk Seri Rafidah Aziz.

Fernando: Apa yang dia beritahu kamu?

Hakim Datuk S Augustine Paul: Adakah kamu akan memanggil dia (Hishammuddin)?

Fernando: Kami mungkin memanggilnya.

Paul: Kamu patut membuat keputusan untuk memanggil atau tidak, kerana perbualan itu adalah dengar cakap. Jika kamu tidak bermaksud memanggil Hishammuddin, ia membuang masa untuk saya mencatat keterangan ini.

Paul kemudian membuat keputusan untuk tidak menerima keterangan itu.

Fernando: Datuk Hishammuddin membawa surat P14 itu kepada pengetahuan

kamu?

Mohamad Azmin: Ya.

Fernando: Adakah dia menunjukkan salinan surat perihal itu kepada kamu?

Mohamad Azmin: Tidak.

Fernando: Adakah dia memberitahu perkara itu (P14) mengenai apa?

Mohamad Azmin: Ya.

Fernando: Adakah Datuk Hishammuddin memberitahu kamu mengenai tindakan apa yang akan diambil?

Ketika ini Paul menegur Fernando kerana jawapan yang akan diberi adalah dengar cakap dan mahkamah sebelum ini sudah melarangnya.

Fernando: Apabila Datuk Hishammuddin membawa surat P14 ini kepada pengetahuan kamu, apakah reaksi dan kelakuan dia?

Mohamad Azmin: Datuk Hishammuddin marah dan bersedia untuk meletak jawatan dalam parti dan kerajaan.

Paul mencelah lagi dan berkata, jawapan Mohamad Azmin tidak akan diterima mahkamah.

Menurutnya, Mohamad Azmin boleh berkata apa saja di mahkamah mengenai apa yang diperkatakan oleh Hishammuddin tetapi ia tetap dengar cakap melainkan Hishammuddin dipanggil memberi keterangan.

Mohamad Azmin juga memberitahu mahkamah bahawa beliau mengenali bekas Pengarah Cawangan Khas Datuk Mohamad Said Awang.

Menurutnya, pada 11 Ogos 1997, beliau bertemu Mohamad Said sebelum Mohamad Said menemui Anwar di Jabatan Perdana Menteri.

"Dalam pertemuan itu, Datuk Mohamad Said bertanya adakah Ummi Hafilda itu adik saya dan saya menjawab ya," katanya.

Paul sekali lagi melarang soalan itu dikemukakan selagi pihak pembela tidak memanggil Mohamad Said sebagai saksi.

Fernando berkata, lebih baik soalan itu dibenarkan daripada memanggil semula saksi itu selepas Mohamad Said memberi keterangan kerana ia akan membuang masa mahkamah.

Timbalan kanan Pendakwa Raya Abdul Gani Patail bagaimanapun menegaskan mahkamah sudah membuat keputusan dan perlu diikuti.

Menurutnya, ini adalah mahkamah undang-undang dan bukannya mahkamah kangaroo.

Mohamad Azmin dalam keterangan seterusnya berkata, selepas pertemuan dengan Mohamad Said, beliau bertemu ahli keluarganya pada hari yang sama.

Fernando: Dalam pertemuan dengan Datuk Mohamad Said, adakah beliau berkata kepada kamu supaya bertanya Ummi Hafilda bagi menarik balik tohmahannya.

Gani membuat bantahan terhadap soalan itu kerana ia adalah soalan memimpin. Paul tidak membenarkan soalan itu kerana ia termasuk dalam keputusannya sebelum ini.

Fernando: Berhubung pertemuan kamu dengan ahli keluarga kamu yang dibuat selepas pertemuan dengan Datuk Mohamad Said, apa berlaku?

Mohamad Azmin: Dalam pertemuan itu, saya beritahu kakak dan abang saya yang Datuk Mohamad Said berkata kepada saya supaya memberitahu Ummi menarik balik tohmahannya.

Paul tidak menerima keterangan itu kerana ia termasuk dalam perintahnya sebelum ini.

Mohamad Azmin memberitahu mahkamah bahawa beliau sendiri tidak memberitahu perkara itu kepada Ummi Hafilda kerana antara mereka tidak bercakap antara satu sama lain.

Menjawab pertanyaan apakah reaksi Anwar berhubung tohmahan itu, Mohamad Azmin berkata: Anwar tidak mengambil serius mengenai perkara itu dan beliau bertanya saya mengapa Ummi memanggilnya sebagai peliwat.

Berhubung tuduhan Ummi Hafilda bahawa Mohamad Azmin merasuah bapanya dengan rumah supaya membuangnya daripada keluarga, beliau berkata, Ummi

Hafilda adalah pembohong besar.

"Ummi menuduh saya mempengaruhi bapa saya untuk membuang dia dengan sebuah rumah. Ini adalah satu pembohongan besar kerana rumah itu dibina pada 1993 dan bagaimana saya boleh menyuruh tindakan dibuat terhadap dia lima tahun sebelum itu, kerana dia hanya dibuang daripada keluarga pada 1 September 1998 iaitu sehari sebelum Dr Mahathir membuang Anwar," katanya.

Perbincaraan bersambung esok.

(END)